



Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016

EDITORS AND COMPILERS:

Dr. Azahar Harun
Dr. Rosli Zakaria
Dr. Abd Rasid
Pn. Haslinda Abd Razak
Pn. Liza Marziana Mohammad Noh
En Nadzri Mohd Sharif
En. Shaleh Mohd Mujir
Pn Fatrisha Mohamed Yussof
Pn Anith Liyana Amin Nudin
Pn Ilinadia Jamil
Cik Fazlina Mohd Radzi
Cik Aidah Alias
Cik Nurkhazilah Idris

COVER DESIGN:

Norsharina Samsuri

PUBLISHED BY:

Faculty of Art & Design,
UiTM Melaka
KM26 Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah, Melaka
Tel : +606 - 5582094/ +6065582190/ +6065582113
Email : ismefssr@gmail.com
Web : <http://isme2016.weebly.com>
ISBN : 978-967-0637-26-6

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without permission of the copyright holder.



Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016

Copyright © 2016
Faculty of Art & Design,
UiTM Melaka
KM26 Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah Melaka
<http://isme2016.weebly.com>

Content

1	Personification in Marketing Communication: Case Study of Malaysian Brands	9
	<i>Azahar Harun, Mohamed Razeef Abd Razak, Ruslan Abd Rahim, Lili Eliana Mohd Radzuan, Amina Syarfina Abu Bakar</i>	
2	The Image of Man after September 11	21
	<i>Mohd. Shaharudin Sabu, Mohd. Saharuddin Supar, Hisammudin Ahmad, Shaharin Sulaiman, Ahmad Zuraimi Abdul Rahim, Mohd. Ali Azraei Bebit, Shahrul Munir Mohd Kaulan</i>	
3	The Image Construction of Loro Blonyo Craft in Global Market through Packaging Design that Reflect Local Image	27
	<i>Nanang Yuliantoa, Edy Tri Sulistyoa, Slamet Subiyantoroa, and Nadia Sigi Prameswaria</i>	
4	Game-Based Learning using Visual Spatial Approach for Children with Autism to Improve Social Development: A Pilot Study	32
	<i>Ilinadia Jamil, Fatrisha Mohamed Yussof, Nor Yus Shahirah Hassan, Azzureen Nor Ain Azizuddin and Zainal Kadir</i>	
5	Visual Iklan Berunsurkan Seksual Di Media Internet: Persepsi Golongan Bawah Umur	42
	<i>Fatrisha Mohamed Yussof, Ilinadia Jamil, Azahar Harun, Norsharina Samsuri, Nurkhazilah Idris, Nor Sabrena Norizan</i>	
6	An Iconographical Interpretation Of Street Art In Malaysia	51
	<i>Syafri Amir Muhammad, Nurul Huda Mohd Din, Profesor Dr. Mulyadi Mahamood, Dr. Mumtaz Mokhtar</i>	
7	The Relationship between Place and Hallmark Event; Malaysian Cultural Context	64
	<i>Musaddiq Khalil, Amer Shakir Zainol, Shaliza Dasuka, Liza Marziana, Khazilah Idris, and Fazlina Radzi</i>	
8	Aplikasi Teknik Tempa dan Peleburan dalam Seni Arca Besi Raja Shahriman Raja Aziddin	74
	<i>Liza Marziana Mohammad Noh, Shaliza Dasuki, Nurkhazilah Idris, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Mohd Khalil Imran</i>	
9	Sulaman Keringkam : Motif Kemasan Sisi Beridentiti Melayu Tempatan	85
	<i>Norhasliyana Hazlin Zainal Amri, Hamdzun Haron, dan Abdul Latif Samian</i>	
10	Malay Aesthetic Concept through Malay Woodcarving Motifs in Visual Artworks	97
	<i>N. A. Hassan, P. Amin, and S. Tohid</i>	
11	Illustrasi Poster Kempen Alam Sekitar dalam Simbol Kebudayaan	106
	<i>Mulyati Binti Mat Alim and Profesor Madya Dr. Abdul Halim bin Husain</i>	
12	Penghayatan Nilai- Nilai Patriotisme Dalam Arca Awam Pelajar Uitm Melaka Sempena Pertandingan Hiasan Patriotisme Daerah Alor Gajah	118
	<i>W. M. Z. Wan Yaacob, N.H. Abdulah, A. Osman, M. F. Samsudin, M. A. A. Bebit, S. M. Mohd Kaulan dan M. S. Sabu</i>	

13	Keunikan Ukiran Patung Kayu dalam Kehidupan Kaum Jah Hut dalam Keperluan dan Kepercayaan	124
	<i>Nor Edzrine Binti Abdullah Sani</i>	
14	Properties of Mandi Bunga (flowering bath) as Malaysian tradition Practice	135
	<i>S. Roslan, R. Legino</i>	
15	Malaysian Batik Painting From 1950 to 2010: A Study on Style	145
	<i>A.E. Mohd Fauzi, N. H. Ghazali and N. H. Ahmad</i>	
16	Interpreting Motif and Pattern in Mohd Nor Mahmud Painting Batik: Pakai Semutar Kain Lepas.	151
	<i>H. Abd Razak, R.Legino, B. Samuri</i>	
17	The Aesthetic of Traditional Lurik in Socio-Cultural Context	157
	<i>E. S.Handayani</i>	
18	Brand Identity on Local Malay Herbal Toiletries Packaging Design as a Potential Tourism Product	162
	<i>Siti Sarah Adam Wan, Noraziah Mohd Razali, Wan Nur Khalisah Shamsudin & Ariff Ali</i>	
19	Budaya Melayu Sebagai Simbol dan Makna Dalam Seni Catan Moden Malaysia	172
	<i>Liza Marziana Mohammad Noh, Hamdzun Haron, Abdul Latif Samian & Tengku Intan Suzila Tengku Sharif</i>	
20	Budaya Visual ‘Seni Kolam’ Dalam Sistem Sosial Masyarakat India	180
	<i>Santhi A/P Letchumanan, Lee Hoi Yeh, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Hussain</i>	
21	Cetusan Idea Seni Tekat Perak	198
	<i>Azni Hanim Hamzah, Salina Abdul Manan, Noor Hafiza Ismail & Nur Hikma Mat Yusuf</i>	
22	Chlorophyll Print: An Alternative Approach to Describe Photographic Printing Process Using Nature Based For Photography Students	207
	<i>Dona DLowii Madon, Aidah Alias, Raziq Abdul Samat, Farihan Zahari, Shafira Shaari & Shaharin Sulaiman</i>	
23	Designing Jawi Typeface to Enhance The Quality of Modern Design	218
	<i>Mohamed Razeef Abdul Razak, Prof. Dr. D’zul Haimi Md. Zain, Dr. Azahar Harun, Dr. Saiful Akram Che Cob & Lili Eliana Mohd. Radzuan</i>	
24	Diversification of <i>Batik Jarum</i> Handicraft Art Product to Solidify Community Based Creative Economic Development in Klaten Regency	225
	<i>Margana</i>	

25	Empowering “Girli” Batik Craftswomen to Enhance Family Economy and Develop Tourism Village in Sragen District	236
	<i>Dr. Slamet Supriyadi & Prof. Dr. Sariatun</i>	
26	Identiti Visual Seni Catan Moden Malaysia Melalui Media Campuran Dalam Konteks Kebudayaan	244
	<i>Fairus Ahmad Yusof ¹ Prof. Madya. Dr. Abdul Halim Husain</i>	
27	Inovasi Media TMK Dalam Pendekatan Pembelajaran dan Pengajaran Pendidikan Seni Visual Berasaskan Gaya Belajar Visual	274
	<i>Siti Hayati binti Haji Mohd Yusoff</i>	
28	Interpretasi Kandungan Imej Fotografi Digital Sosio-Masyarakat Melayu Berdasarkan Konsep Literasi Visual	291
	<i>Nadzri Mohd Sharif, Meor Hasmadi Meor Hamzah & Nor Fariza Baharuddin</i>	
29	Kartun Akhbar Sebagai Wadah Penyampaian Suara Masyarakat: Suatu Kritikan Terhadap Isu-Isu Semasa	304
	<i>Shaliza Dasuki, Liza Marziana Mohammad Noh, Nurkhazilah Idris, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Mohd Khalil & Nur Hasliza Abdulah</i>	
30	Kartun Bertemakan Keagamaan Atas Talian: Interpretasi Dakwah dan Sindiran	317
	<i>Fazlina Mohd Radzi, Shaliza Dasuki, Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh & Musaddiq Muhamad Khalil</i>	
31	Keindahan Tengkolok Getam Pekasam Warisan Kesultanan Perak Darul Ridzuan	326
	<i>Liza Marziana Mohamad Noh, Salina Abdul Manan, Azni Hanim Hamzah, Noor Hafiza Ismail & Mohd Hafiz Sabran</i>	
32	Menggembur ‘Memori Kolektif’: Potensi ‘Seni Partisipatori’ Sebagai Media Konservasi Budaya	333
	<i>Diana Ibrahim, M. Hendra Himawan dan Mohd Saharuddin Supar</i>	
33	Model Landskap Bandaraya Islam Di Kawasan Tropika Berdasarkan Empat Faktor Nilai Rekabentuk	343
	<i>N. H Ramle & R. Abdullah</i>	
34	Pelaksanaan PBS Guru-Guru PSV Hilir Perak Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Estetik	352
	<i>Lee Hoi Yeh, Dr. Mohd Zahuri Khairani</i>	
35	Permata Yang Hilang: Pembelajaran Penulisan Seni Khat Dan Jawi	367
	<i>Ainun Jariah Yaacob, Ahmad Rajaei Awang, Mohd Fadil Sulaiman, Mohd. Yazid Misdri</i>	

36	Persona Komunikasi Tipografi di dalam Artifak Kartografi	380
	<i>Wan Juria Emeih Wahed & Ridzuan Hussin</i>	
37	The ‘Me-Too’ Phenomenon in Packaging Design: A Case Study of Malaysian Retail Products	392
	<i>Anith Liyana Amin Nudin, Mohd Amin Mohd Noh, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Izwan Abdul Ghafar, Norsharina Samsuri, Nik Narimah Nik Abdullah and Fatrisha Mohamed Yussof</i>	
38	Interaction Design in Collaborative Augmented Reality (AR) Story-book for Children	403
	<i>Lili Eliana Mohd Radzuan, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Siti Nurlzaura Razis, Azahar Harun and Mohamed Razeef Abd Razak</i>	
39	Analisis Proses Penghasilan Lakaran Awal Dari Segi Penggunaan Material, Idea dan Pengisian (Contents) Mengikut Bidang-Bidang yang Terdapat di Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka: Kajian Kes Pameran Think Things Pada Tahun 2016	410
	<i>Salmah Ali, Hisammudin Ahmad, Haslinda Razak, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain, Norsharina Samsuri, Nurkhozilah Idris dan Muhammad Fitri Samsuddin</i>	
40	Corporate Rebranding Design of Oil and Gas Company in Malaysia: Case Study of SMART Petrol	423
	<i>Amina Syarfina Abu Bakar, Azahar Harun, Mohamed Razeef Abd Razak</i>	
41	Apresiasi Karya Seni Catan ‘Siri Dungun’ Dalam Pendekatan Etnomatematik	434
	<i>Rushana Bte Sulaiman @ Abd Rahim, Rushana Bte Sulaiman @ Abd Rahim</i>	
42	Aturan Pertiga (Rule Of Thirds) Sebagai Elemen Baru Dalam Pembelajaran Komposisi Bagi Menghasilkan Karya Seni Catan	449
	<i>Shahariah Mohamed Roshdi, Hisammudin Ahmad, Mohd Haniff b. Mohd Khalid, Dr. Abd. Rasid Ismail, Fazlina Mohd Radzi, Nur Hasliza Abdulah, Nurul Izza Ab. Aziz</i>	
43	Kempen Budi Bahasa Melalui Senireka Bentuk Pembungkusan Produk SME	461
	<i>Farhanah Abu Sujak, Siti Raba’ah Abdul Razak, Nurul Akma Abdul Wahab, Nurin Elani Makrai</i>	
44	Participatory Art Project To Develop The Creative Potential Of Students Of Senior High School In Surakarta	470
	<i>Adam Wahida</i>	
45	Pemikiran Visual Terhadap Permainan Ceper Berasaskan Sistem Sosial Budaya	479
	<i>Zulpaimin bin Hamid, Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Hussain</i>	

Seni sebagai Praktis Sosial: Garis Teori dan Amalan Dalam Seni Rupa Kontemporari Malaysia

Diana Ibrahim^{1,*}, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff² and Yusmilayati Yunus³,

¹⁻³ Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

¹ Fine Art Department, Faculty of Art and Design, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

*pengarang: dianaibrahim001@gmail.com

Abstrak— Pelbagai amalan dan pendekatan penghasilan seni tumbuh dalam kemeriah era seni rupa kontemporari dengan pelbagai hasrat dan tujuan samada dari individu mahupun sekelompok seniman. Seni rupa pada awalnya dihasilkan dengan memegang kepada gagasan artistik-estetik telah secara perlahan ditolak oleh penggiat seni rupa Malaysia dalam amalan seni rupa dekat 90an. Amalan seni sebagai sebuah praktis sosial diangkat secara perlahan oleh penggiat seni rupa Malaysia dengan pelbagai manifestasi bergantung kepada pilihan subjek, keterlibatan khalayak, dan *locus* di mana projek-projek seni dilaksanakan. Kajian berfokus kepada perbincangan estetika amalan seni berlandaskan komuniti di sandarkan menerusi garis konteks teori estetika seni interaksi sosial '*relational aesthetic*' dan teori terkemudiannya '*dialogical practice*', '*participatory art*' dan '*Socially Engage Art*'. Penjajaran teori-teori praktis dan amalan seni berlandaskan perhubungan antara seniman (pencipta) dan khalayak (partisipasi) seringkali menemui titik ke dalam jurang konteks sosial. Melalui amalan yang dibangunkan dalam gerak kerja seniman, seni bukan lagi dianggap sebagai subjek, seni dihubungkan dengan pengalaman, membangunkan nilai kesedaran dan potensi diri, membangkitkan kepekaan dan kesedaran serta mewujudkan dialog yang mengarah kepada perpaduan dan kesejahteraan sosial.

Author Keywords: *Praktis Sosial; Teori; Amalan Seni Rupa; Pembedayaan komuniti*

1. PENGENALAN

Artist have roles as an agents of transformation that are more socially valuable than mainstream art world roles- and certainly equal in legitimacy (Arlene Golbard: 58-60).

Menurut kebanyakan fahaman masyarakat pada hari ini, seni rupa itu merupakan sesuatu yang berbentuk objek yang terkandung akan subjek, bersifat tangible, melibatkan suatu proses penilaian estetik, dihasilkan dengan pelbagai tujuan dengan cerminan konteksnya. Suzi Gablik (1995: 74) dari sudut pemikiran dominan masyarakat, seni dipandang sebagai sebuah objek khas yang dihasilkan tanpa bertujuan ke atas aspek moral, praktikal atau tujuan sosial, ia tidak lebih hanyalah sebagai sebuah objek yang dipertimbangkan dan dinikmati. Manakala Arlene Goldbard (2006: 14) menyatakan “...a painting has never possessed the power to move political world”. Namun, Goldbard menyatakan, pandangan tersebut kemudiannya dapat di tolak sekiranya; pertama, seni di gunakan sebagai alat atau penggerak bagi tujuan penyedaran dan pernyataan diri apabila seseorang individu itu diberi peluang menterjemahkan atau meluahkan imaginasi kreativiti yang tersendiri serta melibatkan diri secara langsung untuk bersama dalam proses seni. Keduaanya, apabila pihak pentadbir atau penaung seni (seniman) itu memahami akan luahan ekspresi tersebut, maka akan membuka lebih banyak maklumbalas membina yang membantu kepada proses transformasi yang di ingini. Pablo Helguera (2011: 5) berpandangan “Praktis Sosial” merupakan istilah yang menolak akan amalan praktis seniman dalam seni moden (seniman bersifat atau dianggap sebagai diterangi dengan wawasan) dan versi seniman pasca modern (seniman mempunyai nilai kesedaran diri yang tinggi dan kritis). Ia merujuk kepada praktis seni atau amalan bekerja bersama masyarakat dalam kapasiti profesional.

Ledakkan seni sebagai sebuah praktis sosial di kesan diusung sedari era ‘avant-garde’ sewaktu kemunculan gerakan Post-minimilist dan berkembang dengan sangat ketara berikutan dengan munculnya amalan-amalan seni seperti seni konseptual, seni instalasi, seni-enviro, ‘site specific art’ dan seni persembahan. Gerakan –gerakan sosial dikalangan aktivis dan seniman pada era 1960an melebarkan pendefinisian serta tujuan seni dihasilkan. Menurut Claire Bishop (2012) peralihan seni ke arah konteks sosial dalam seni kontemporari di kesan melalui 2 peristiwa seni terdahulu iaitu; sejarah seni ‘avant-garde’ di eropah sekitar tahun 1917, dan ‘neo avant-garde’ yang bermula pada 1968. Fasa tersebut memperlihatkan akan peralihan pemikiran akan perhubungan seni dalam konteks sosial mahupun perspektif politik dengan mempertimbangkan semula akan bagaimana seni dihasilkan, digunakan serta dibahas. Amalan seni rupa pada kala itu memunculkan bukan lagi persoalan bagaimana ehwal keindahan dihasilkan, melainkan ada perubahan sensitiviti dalam memandang kenyataan. Fungsi seni menjadi peranti untuk melakukan pembacaan atas beragam fenomena, menjadi

media komunikasi dan dialog, untuk menangkap, mengolah, dan memberikan maklumbalas atas apa yang terjadi dalam perkembangan masyarakat. Seni rupa kontemporer juga bergerak dalam penciptaan hubungan sosial yang baru (misalnya dalam *street art*) dan pelbagai amalan seni berlandaskan komuniti dengan pelbagai tujuan antaranya melakukan perubahan sosial di dalam masyarakat. Maka amalan seni pun kemudian bergerak lebih luas, menjadi bersifat *participatories* (penyertaan).

Pelbagai istilah muncul bagi merujuk kepada bentuk dan amalan seni ini kerana memiliki banyak kecenderungan gaya dan pola dalam penciptaan karya. Seni ini dikatakan bersifat *multifaceted* dan *interdisiplineri* berikutan wujud pelbagai khalayak atau komuniti tertentu yang dilibatkan dalam eksplorasi kreativiti. Khalayak dari pelbagai individu yang terlibat di dalamnya menjadi komponen penting dalam penciptaan karya. Sifat *multifaceted* tersebut, secara tidak sedar telah memunculkan banyak perdebatan berhubung dengan amalan seni ini yang menyangkut pelbagai teori dan terminologi seperti *relational art*, *community arts* ('seni komuniti'), *participatory art* ('seni partisipatoris'), *Social Engage Art (SEA)*, *dialogic practice*, *collaborative art*, *art-based community development*, *Community Culture Development (CCD)*, *community engage arts* dan genre baru seni awam (*new genre public art*). Oleh kerana kerencaman pandangan dan definisi mengenai aliran kesenian ini, kajian ini bertumpu kepada analisis akan estetika amalan dan penjajaran praktis seni yang melibatkan khalayak dalam konteks seni sebagai praktis sosial. Analisis melibatkan beberapa kajian kes dari kumpulan seniman yang bernaung dibawah payung kelompok kesenian berlandaskan komuniti, ini dijalankan bertujuan bagi menemui bentuk praktis dan amalannya dalam medan amalan sosial, atau lebih tepat sebuah gerakan sosial dalam seni rupa kontemporer di Malaysia.

2. METODE

Kecenderungan seniman dalam menolak idea bahawa seni hanyalah semata sebagai sebuah objek yang terkandung estetik telah mengundang akan satu lagi komponen terpenting yang terpinggir sewaktu proses pembentukan seni dibangunkan, iaitu partisipasi dari khalayak. Dalam konteks ini, seniman sebagai karyawan 'agung' pencipta tunggal karya tertolak dengan membuka dimensi atau penawaran baru ke atas estetika seni dengan melibatkan peranan khalayak. Tugas seniman adalah membina perhubungan sosial baru yang menyangkut hubungan antara karya, khalayak mahupun konteks serta *locus* terlibat. Melalui proses ini akan tumbuhlah dan berkembangnya kenyataan sosial yang baru.

Gagasan ini terdahulu telah di teorikan menerusi 'estetika relasional' oleh Nicolas Borriaud yang meletakkan seni sebagai meraikan pengalaman, dimana definisi seni itu tidak disempitkan kepada penghasilan objek semata-mata tetapi menitikberatkan pertemuan dalam kerja seni atas pertemuan partisipatif. Nicolas Borriaud (1998) menyatakan "..... *relational art (an art taking as its theoretical*

*horizon the realm of human interactions and its social context, rather than assertion of an independent and private symbolic space)....". Menerusi pandangannya, paradigma teori estetika ini terhubung menerusi praktis yang tertanam dalam ruang sosial sehari-hari dan tidak terkunci dalam ruang khusus seperti halnya yang dibayangkan oleh para penganut teori seni institusional (ruang elit yang tercipta dari hubungan antara seniman, kurator, pemilik galeri dan kolektor). Ruang sosial sehari-hari berarti interaksi sosial yang lazim terjadi di dalam masyarakat. Campur tangan seniman dalam mentransformasi ruang sosial dan segenap hubungan sosial di dalamnya tidak diwujudkan berdasarkan suatu aspirasi *avant-garde* yang berpura-pura menjadi agen perubahan dan kemudian mengunjungi orang ramai untuk mengubah hubungan sosial. Estetik ini bertolak dari andaian bahawa semua manusia adalah agen perubahan sosial, supaya keupayaan transformasi sosial bukan hak istimewa untuk seorang seniman yang 'turun ke padang', tetapi keupayaan kolektif jisim itu sendiri. Seniman terlibat dalam proses perbincangan secara bersama, memberikan nasihat dan terlibat dalam proses bekerja secara bersama-sama untuk merealisasikan agenda bersama masyarakat setempat.*

Komunikasi sebagai kunci menarik seni ke arah perhubungan sosial turut diangkat menerusi istilah '*dialogis practice*' oleh Grant H. Kester. Grant H. Kester (2011) menyatakan, '*Dialogis practice*' merupakan satu bentuk praktis yang menghadirkan satu bentuk karya seni yang menggaburi batasan seni sebagai sebuah objek, dimana proses penciptaan seni merupakan sebuah aktiviti terbuka terangkum pemikiran dan interaksi-interaksi antara seniman-karya-dan khalayak. Praktis seni ini dimaknai ada berlakunya proses advokasi (penyokongan) dari khalayak untuk melanjutkan ke arah proses melakukan kerja-kerja kreatif secara kolaboratif, selanjutnya membawa kepada perubahan sosial. Seniman dan khalayak bekerjasama dalam merancang isi pengkaryaan dengan melakukan banyak dialog atau komunikasi bagi membangunkan kerangka kerja penciptaan karya. '*Dialogis practice*' membuka kepada pemaknaan baru seni melalui proses komunikasi yang didasari kepada dua faktor peralihan; pertama didasari oleh nuansa 'pengalaman komunikatif' iaitu khalayak berupaya membezakan sesuatu yang abstrak, iaini berupaya memperjelas mod wacana yang dibangunkan dalam karya iaitu tidak menaklukkan sesuatu identiti spesifik ke atas subjek dan pertukaran komunikasi atau keterbukaan pemaknaan berlaku semasa proses dialog berlangsung. Keduanya memahami bahawa sebuah karya seni merupakan suatu proses komunikasi berbanding sebagai sebuah artifak atau objek.

Seni dalam perhubungan sosial turut dimunculkan oleh Pablo Helguera (2011) yang beranggapan seni itu dimunculkan secara nyata bukan bersifat simbolik, menerusi istilah 'Socially Engage Art' (SEA). Praktis SEA dikesan telah mengakar sedari penghujung tahun 1960an menerusi amalan beberapa seniman seperti Charles Garoian, Suzzane Lacy serta menerusi beberapa ahli akademik seperti Claire Bishop, Tom Finkelpearl, Grant Kester, Miwon Kwon dan beberapa individu

lain. Helguera menyatakan terdapat 2 perbezaan dalam praktis seni iaitu 'nyata' dan 'simbolik'. SEA merupakan satu bentuk praktik 'nyata' ia bukanlah sesuatu yang berada dalam imaginasi atau tindakan sosial yang boleh di andaikan. SEA merupakan sesuatu yang bersifat 'hybrid', iaitu aktiviti bersifat multi-disiplin yang muncul di antara seni atau bukan bersifat seni. Praktis ini menawarkan proses seni sebagai aktiviti sosial, bukanlah sesuatu yang dimanipulasi untuk mencapai tujuan tertentu. Melalui aktiviti yang dibangunkan, praktis ini memunculkan satu tindakan berbentuk komunikasi, yang memainkan peranan serta mampu mengarahkan kepada setiap individu yang terlibat memahami akan konteks politik dan budayanya serta memunculkan sikap *emansipatory*.

Masalah mendasar dari 'amalan seni' sebagai 'amalan sosial' tertumpu pada bagaimana membaca dan merumuskan persoalan atau isu yang wujud, mementaskannya, dan bagaimana proses itu akan dilaksanakan bersama khalayak. Kekaburan banyak dimunculkan dalam kerja-kerja berlandaskan komuniti, dimana persoalan berkaitan adakah seni yang dimunculkan itu dapat dinyatakan sebagai seni atau ia adalah proses menjelmakan kreativiti yang dimunculkan secara simbolik. Isu tersebut dikemukakan oleh Claire Bishop (2012) menerusi penjelasan panjang terkait dengan amalan yang disandarkan sebagai praktis 'seni partisipatoris'. Menerusi hujahannya 'seni partisipatoris' terjun ke dalam pentas sosial melalui dua elemen; pertama ialah mensyaratkan penglibatan khalayak, kedua meluruhkan dominasi seniman sebagai pencipta tunggal, seterusnya membangun paradigma seni non-hierarkis dan sekaligus membangun kembali 'ikatan sosial' masyarakat. Hujahan Bishop menarik pembahasan dengan lebih mendalam dengan cuba menarik perhubungan antara seniman-karya, seni-khalayak ke dalam konteks politik. Menurut beliau, praktis seni yang baik adalah berlakunya proses kreativiti yang dapat memberikan sumbangan, memperkuat pengalaman sosial dan artistik yang dihasilkan tanpa meninggalkan nilai-nilai estetika yang wujud dalam seni. Praktis 'seni partisipatoris' yang baik juga berupaya mewujudkan nilai provokasi melalui sudut pandang politik yang diterjemahkan melalui tindakan bersifat simbolik dan selanjutnya berupaya mengolah media untuk mengangkat pengkaryaan tersebut.

Melalui pengusungan teori yang diketengahkan pandangan terkait dengan "praktis sosial" terhubung secara langsung dengan mengarah kepada tuntutan penglibatan khalayak dalam proses berkesenian. Selain menautkan bentuk seni ke dalam subjek, konteks dan permasalahan yang melingkari masyarakat, tuntutan elemen *partisipatori* ('partisipasi' atau 'penyertaan') adalah komponen penting yang akan menentukan kelompok dan bentuk kesenian yang dibangunkan seterusnya menjadi jambatan yang menghubungkan seni ke jalan konteks sosial.

3. ANALISIS KAJIAN

Sehingga era 1990an, seni dihidang sebagai wadah tatapan bagi masyarakat, dipentaskan sebagai sebuah komoditi yang wujud di galeri-galeri seni yang melingkari antara seniman, penggiat seni, dan pengumpul seni -*art collector*. Peranan masyarakat masih terbatas sebagai penghayat atau pengguna. Beverly Young (2015:5) menyentuh seni kontemporari pada kala ini memperlihatkan percambahan praktis seni dengan memperlihatkan beberapa kumpulan seniman cenderung melibatkan komuniti dalam proses membangunkan pengkayaan di luar konteks galeri sebagai melebarkan dan mendalamkan hubungan antara seni dan masyarakat awam. Yap Sau Bin (2013) turut menyatakan sejak pertengahan 2000 memperlihatkan perkembangan memberangsangkan kewujudan pelbagai ruang alternatif yang dibangunkan oleh beberapa kumpulan seniman kolektif sebagai memecah sempadan pengkayaan dan membangkitkan fungsi seni yang diterokai bersama dengan lokus dan masyarakat sekitarnya. Antara kegiatan penting yang dibangunkan adalah projek *Off Walls Of Pedestals* pada tahun 2002 di sebuah perkampung kecil di Ulu Yam Selangor. Projek ini yang diterajui oleh seniman Juhari Said di kediamannya merangkap studionya 'Akai di Ulu' melibatkan seniman jemputan dari dalam dan luar negara dengan menghasilkan karya bersifat instalasi dan 'site specific' yang mencerap ke dalam konteks alam dan kampung. Melalui program ini masyarakat kampung dilibatkan dengan melaksanakan aktiviti memasak dan kenduri semasa upacara perasmian dilaksanakan. Masyarakat didedahkan kepada persekitaran alam yang dipenuhi dengan karya-karya seniman sebagai upaya memberi kesedaran serta mendekatkan komuniti setempat kepada bentuk seni rupa bersifat '*neo avant-garde*' ini. Komuniti setempat terbatas sebagai penikmat dan sebahagiannya sebagai pengguna seni apabila melakukan interaksi simbolik ke atas sebahagian karya melalui aksi perlakuan secara semulajadi. Komuniti bukan sebagai sebahagian dari proses pembentukan pengkayaan seniman. Seni berfungsi sebagai sebuah pengalaman seperti yang dicetuskan oleh Nicolas Borriaud dan seniman bekerja secara bersama membangunkan ruang persekitaran bagi membangunkan suatu pengalaman baru ke atas komuniti kampung melalui objek-objek seni. Dalam konteks ini karya memaparkan ciri-ciri praktis SEA.

Peranan khalayak sebagai sebahagian komponen dalam proses penciptaan seni terlihat dalam praktik penciptaan seni berlandaskan komuniti yang dibangunkan oleh kumpulan kesenian Arts-ED. Arts-ED (*Community Based Art Culture & Education*) ditubuhkan pada tahun 1999. Bermula sebagai sebuah kumpulan yang tidak formal di bawah Majlis Perundingan Pendidikan Pulau Pinang, dan kemudian mendaftar sebagai *non-profit society (NGO)* pada tahun 2007. Aktiviti-aktiviti utama organisasi itu termasuk menyediakan latihan seni (non-formal) dan program pendidikan budaya kepada anak-anak muda, penyelidikan komuniti dan perundingan masyarakat, menganjurkan acara kebudayaan, dan penerbitan

bahan-bahan pendidikan berkaitan budaya. Antara program yang dibangunkan ialah Anak-anak Kota, Heritage Heboh, Penang Heritage Idol, myBALIK pulau, Sungai Pinang Kita dan *The HiP Project*. Bentuk pengkaryaan yang dicipta adalah dipasak dengan penerokaan identiti budaya dan sejarah yang dibangunkan bersama dengan komuniti anak muda sekitar penang. Melalui aktiviti kesenian ini mereka mengekalkan takungan sumber budaya dan modal, melakukan transmisi dan inovasi ke atas pengetahuan budaya dan penjanaan tenaga budaya serta membangun kecergasan anak muda melalui latihan dan amalan kesenian yang dibangunkan. Proses pembangunan sosial terpamir melalui transmisi komponen sumber budaya dan modal sedia ada dari komuniti dan persekitaran (lokus) dijana melalui elemen 'partisipatori' yang membentuk satu pengalaman bersifat subjektif. Komponen ini seterusnya dikembalikan semula melalui penciptaan karya hasil refleksi komunikasi yang ditimbulkan dalam bentuk kesenian yang pelbagai, bersifat *performative* (tarian, muzik, drama (*story-telling*), *videography* dan seni grafis) bersama masyarakat setempat. Amalan praktis ini jelas mencerminkan wujudnya elemen 'Dialogical practice' yang menawarkan seni sebagai aktiviti komunikatif sosial terbentuk melalui proses kolaboratif dengan membangun seni sebagai suatu proses komunikasi berbanding sebagai sebuah artifak atau objek. Amalan kesenian berbentuk *performance* ini juga turut diusung oleh segelintir kumpulan seni seperti Orang-Orang Drum Theater, The Jumping Jellybeans, Ombak-Ombak Arts Studio dan seniman Soon Choon Me yang bergerak secara individu.

Memasuki fasa pertengahan 2000, acara kesenian berlandaskan praktis sosial berlaku agak rancak seiring dengan munculnya ruang-ruang seni independan yang dikelolakan oleh golongan seniman sendiri seperti festival seni independan serta kewujudan kumpulan-kumpulan seni kolektif. Seniman muda telah mula melibatkan diri sebagai aktivis seni untuk meningkatkan kesedaran tentang isu-isu lingkungan masyarakat melalui pelbagai medium seni seperti seni catan mural, seni graffiti, seni persembahan juga seni instalasi. Aktiviti kesenian ini telah mula mengangkat dan membincangkan isu-isu hak asasi manusia dan keadaan sosial semasa. Kumpulan-kumpulan ini bergabung sesama seniman muda, dan aktivis masyarakat membentuk gerakan seni bertujuan memacu persekitaran landskap serta komunitinya. Selain dari kumpulan *Arts Ed Penang*, kumpulan kesenian yang aktif menjalankan kerja-kerja sosial ini adalah Lost generation Space atau akronimnya 'Lostgens'. Kumpulan 'Lostgens' dinaungi oleh Yeoh Lian Heng serta beberapa rakan seniman berkolaborasi menjalankan beberapa projek seni berlandaskan isu-isu yang melingkari masyarakat terutamanya komuniti cina di kawasan perbandaran seperti di Kuala Lumpur, Melaka dan Penang. Beberapa projek seni yang pernah dilakukan diantara adalah *Notthatbalai Art Festival* – 3 edisi; 2004, 2005 dan 2007, "*Lostgens' Kampung Berembang Project*", 2006, "*Lostgens' Pudu Street Community Art Project*" dan "*Lostgens' Petaling Street Community Art Project*" yang membangunkan aktiviti '*The light a Lantern Save Jalan Sultan*', 2012. Praktis yang dibangunkan oleh kumpulan ini adalah bekerjasama dengan komuniti setempat dengan mengumpul kisah sejarah

turun-temurun termasuklah naskah-naskah dan gambar-gambar lama. Data ini kemudiannya diolah dan dipamerkan di ruang galeri atau ruang terbuka, bertujuan memberi pendedahan kepada khalayak serta membangunkan sikap menghargai, memelihara dan memulihara kesan tinggalan yang masih ada dengan sebaik mungkin untuk tatapan generasi akan datang. Bentuk karya bersifat instalasi dan isu-isu setempat turut dimunculkan melalui karya seni persembahan. Melihat dari amalan kesenian yang dilakukan oleh Lostgents, kumpulan ini menyedari bahawa seniman bukan lagi seorang pencipta tunggal, dan penglibatan khalayak menjadi mutlak untuk kemudiannya menjadikan seni sebagai media berkomunikasi dan mendedahkan beragam persoalan kemasyarakatan. Proses berkesenian ini turut membangunkan kesedaran dan keperihatinan atas potensi politik mereka sebagai pemilik warisan yang sah dari kebudayaan mereka yang telah turun menurun. Amalan kesenian ini dapat disandarkan kepada bentuk karya praktis yang diketengahkan oleh Clair Bishop iaitu 'seni partisipatori' berikutan amalan seni yang dilakukan, kempen yang diberikan, kesedaran akan kedudukan dan potensi masyarakat awam dimata pihak berkuasa, telah menjadikan projek-projek seni Lostgents sebagai bentuk aktivisme dan gerakan sosial baru yang bertunjangkan hal ehwal kepolitikan dalam suatu ruang seni yang baru (diluar konteks institusi-institusi seni).

Selain Lostgents, kumpulan Rakan KL-Rakan Mantin turut mengunjungi komuniti dengan upaya membangunkan kesedaran-kesedaran akan hak dan kepentingan sumber budaya dan modal iaitu sejarah dan budaya penempatan kampung cina. Budaya masyarakat dan tradisi seperti arkitekture rumah tradisional cina harus dipelihara secara dinamik dan dipertahankan daripada lenyap dan dirampas pihak yang tidak bertanggungjawab. Elemen '*emansipatory*' turut muncul melalui kebangkitan kesedaran hak bersuara, hak pemastautinan serta tanah. Hak-hak bersuara ini diterjemahkan menerusi pelbagai bentuk seni bersifat kolektif menerusi perayaan, karya fotografi, aktiviti sosial sehari-hari seperti memasak, beribadah serta melawat kejiranan. Nyata, bentuk seni yang dihadirkan bukan sahaja membangunkan praktis 'seni partisipatori', dalam konteks ini bentuk karya yang dibangunkan turut membangunkan nilai 'estetika relational' yang dibangunkan oleh Nicolas Borriaud.

Sebuah lagi persatuan yang di dominasi oleh masyarakat cina adalah Persatuan Kesenian Sasaran Kuala Selangor atau lebih dikenali sebagai Sasaran Art telah menggerakkan pesta seni *Sasaran International Art Festival* semenjak tahun 2008. Gerakan kesenian ini berpusat di sebuah kampung kecil bernama Sasaran yang terletak di laluan lama Kuala Selangor ke Teluk Intan. Festival seni berkonsepkan trinalle diadakan pada tahun 2008, 2011 dan 2014 melibatkan seniman tempatan, antarabangsa dan komuniti setempat. Pelbagai amalan dan bentuk seni dijalankan sepanjang penganjurannya, seperti pembinaan arca awam dari bahan terbuang, perarakan kesenian dan malam kebudayaan, *street art*, seni persembahan, bengkel seni bersama pelajar-pelajar sekolah dengan seniman dan pameran seni dilangsungkan di sebuah rumah ibadah cina serta di dewan

sekolah S.R.J.K (C) Chung Wah (ditubuhkan 1936) yang terletak dalam kampung Sasaran. Berbeza dengan amalan landasan kumpulan yang sebelumnya, kumpulan ini lebih cenderung membangunkan seni ke dalam lanskap kampung. Seni rupa yang berjarak dari masyarakat marhain telah dihadirkan dengan begitu cemerlang dan konsisten melibatkan jentera penganjuran dari akar umbi komuniti kampung Sasaran sendiri. Gagasan impiannya adalah menghasilkan acuan model sebuah perkampungan seni melalui kesedaran akan kepentingan seni sebagai modal mewujudkan kelestarian persekitaran kampung melalui karya seni awam serta menyebarkan seni ke masyarakat marhain, terutamanya masyarakat kampung. Festival seni dilihat sebagai suatu kenderaan menghubungkan peranan seniman sebagai menyokong dan membangunkan sosio politik yang ideal dan membangunkan aspirasi bagi masyarakatnya. Praktis ini membina elemen-elemen dialog mahupun 'partisipatori' tetapi bertaut kuat pada jalinan sosial dibawah praktis SEA berikutan tautannya lebih ke atas bentuk praktis yang 'nyata' serta ia mampu mengarah kepada kemunculan sifat '*emansipatory*'.

Legasi ini sedikit sebanyak terlihat dalam praktis yang diamalkan oleh kumpulan-kumpulan kesenian lain seperti Artis Gomen dalam program Lendu International Art Camp (LIAC 2013 & LIAC 2014). Kumpulan yang dianggotai oleh seniman yang mempunyai latarbelakang sebagai pendidik serta berkhidmat dibawah sektor kerajaan mengusung gagasan yang hampir sama dengan membuka pentas 'partisipatori' yang lebih besar dengan penglibatan seniman, budayawan, pengarah filem, pemilik galeri seni, penaung-penaung badan seni lukis serta tidak ketinggalan akademisi dari luar negara bagi sama-sama menyingkap, melaksana, mempersoal akan bentukan seni yang perlu atau patut dikembalikan ke dalam masyarakat. Dalam hal ini, peranan komuniti setempat (kampung Lendu) sedikit dipinggirkan pada pelaksanaan kali pertama, namun ia dituntut kembali dalam sirinya yang kedua dengan melibatkan mereka dalam acara melukis (aktiviti Pasar Karat Dondang Sayang PKDS), gotong royong 'kenduri' dan bengkel menganyam serta menjahit. Dalam membangunkan aktiviti, tema dari etos 'kampung' dimunculkan agar gerak kerja seni itu mendapat mandat dan restu dari komunitinya. Kerencaman aktiviti yang dibangunkan menjadikan LIAC berbaur dengan penilaian atas estetika praktis seninya. Hendra Himawan (2015) mengulas bahawa LIAC merupakan sebuah praktis sosial '*Dialogis*' berbentuk perayaan yang menekankan prinsip komunikasi bagi memunculkan estetika 'seni sebagai sebuah pengalaman', mengarah kepada proses partisipasi kolaborasi serta bersifat antara nyata (melalui bentukan kesenian yang dibangunkan) namun menghadirkan komunikasi berbentuk simbolik.

Kajian ini ditutup dengan mengintai sebuah lagi kampung sub-urban yang turut dijadikan lokasi eksperimen oleh sebuah komuniti seni yang dikenali sebagai Tindakan Gerak Asuh (T.I.G.A) yang membangunkan sebuah pusat aktiviti seni di gelar Pusat Sekitar Seni (PSS) yang memberikan fokus kepada pendidikan seni kepada anak-anak kampung. Kumpulan seniman ini dinaungi oleh Aisyah Baharuddin serta beberapa seniman kolaborasi dari Malaysia dan Indonesia.

Melalui programnya “*Padang Jawa Street Art Festival 2013*”, kumpulan ini telah menghias tembok dan jejantas di Kampung Jawa dan Kampong Karuppiah, Klang. Jaringan kerja seni melibatkan partisipasi seniman bersama pelajar-pelajar sekolah di kampung berkaitan dengan memberi ajaran percuma perihal seni kepada anak-anak kampung melalui aktiviti lukisan, projek kreatif kitar semula serta perkebunan kreatif. Aktiviti tersebut turut dilanjutkan lagi melalui projek “Serasi” 2014 dan *PEACE PROJECT “Healing the Earth through Arts and Community”* 2015. PPS juga turut melanjutkan khidmatnya dalam masyarakat dengan bergerak sebagai sebuah organisasi yang mengunjungi anak-anak muda di sekolah –sekolah luar seperti projek gabungan bersama dengan projek “Pre-festival Gerakkan Seni 2015” dibawah kelolaan Balai Seni Visual Negara. Estetika yang terbangun menerusi aktiviti-aktiviti yang ditawarkan oleh kumpulan ini bersifat rencam, namun yang menunjanginya adalah amalan ‘seni partisipatori’ berikutan khalayak dilibatkan secara terus dengan tujuan membangun kognitif melalui proses kreativiti.

4. KESIMPULAN

Menelusuri kajian ringkas yang dinyatakan, seni sebagai praktis sosial diasosiasikan dengan amalan seni berlandaskan komuniti yang terpamir menerusi acara-acara bersifat festival seni. Amalan setiap kumpulan seniman terlihat sedikit berbeza berikutan sandaran ke atas objektif, komuniti serta lokus dan bentuk pengkaryaan yang dibangunkan. Kerencaman bentuk kegiatan yang dibangunkan dalam setiap festival seni menjadikan pelbagai sudut pandang akan penilaian estetik terbangun dalam sesuatu acara. Seni bukan lagi dianggap sebagai subjek, seni dihubungkan dengan pengalaman, membangunkan nilai kesedaran dan potensi diri, membangkitkan kepekaan dan kesedaran serta mewujudkan dialog yang mengarah kepada proses perpaduan dan kesejahteraan sosial. Proses komunikasi serta penglibatan khalayak secara menyeluruh merupakan komponen terpenting dalam memandu pengkaryaan yang dibangunkan, agar berupaya berfungsi sebagai alat pemangkin pemberdayaan ke atas individu mahupun komuniti secara menyeluruh, seterusnya membangkitkan nilai-nilai sosial yang positif.

RUJUKAN

- [1] Antoinette, M. (2013). *Wawasan-wawasan Berbeza: Karya Dan Pameran Seni Rupa Kontemporari Malaysia Pada 1990an Dan Tahun-Tahun Berikutnya*. In Nur Hanim Khairuddin, Y. Beverly, and T. K. Sabapathy. *Reaksi Strategi kritikal baru naratif seni rupa Malaysia (2nd. ed.)*. Kuala Lumpur: RogueArt
- [2] Az Karim (2002). *Art Alfresco :Sun, Wind, Rain, Grass, Trees...and Art And Ambitious Group Of Artists Expands Malaysia's Artistic Horizon*, Art Corridor.Issue no.8,pp.42-51
- [3] Beverly Young (2015). *Plural Agendas: Brief Notes On The Malaysian Art Scene Through The Decades*.Run & Learn Projects & Art Guides Malaysia, Japan Foundation/Malaysia. pp. 3-5
- [4] Bishop, C. (2012). *Artificial Hells: Participatory Art and The Politic of Spectatorship*.London: Verso.
- [5] Borriaud, N. (1998). *Relational Aesthetics*. Terjemahan oleh Pleasance S. & Woods, F. France: Les presses du r'eel.
- [6] Goldbard, A. 2006. *New Creative Community; The Art of Culture Development*. Oakland: New Village Press.
- [7] Helguera, P. (2011). *Education for Socially Engaged Art; A Materials and Techniques Handbook*. New York: Jorge Pinto Books.
- [8] Hendra Himawan (2015). *LIAC 2013 Dan Seni Untuk Masyarakat*. In Rosli Zakaria and Diana Ibrahim. (ed.). *LIAC vs Solo Jejak Seni Komuniti*. Alor Gajah Melaka: Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Melaka.
- [9] Kester, G.H. (2004). *Conversation Pieces: Community + Communication in Modern Art*. California: University of California Press.
- [10] Lacy, S. (1995). *Mapping The Terrain New Genre Public Art*. Washington: By Press. Seattle.
- [11] Ng. Bee. (2014). *Pesta Kesenian Antarabangsa Sasaran 2014*. Kuala Selangor: Sasaran Art Assosiation 3: 4
- [12] Pillai, J. (2016). *Transmissions and Transformation; What ICH Means To The Next Generation*. 3rd Singapore Heritage Science Conference. <https://www.youtube.com/watch?v=DpvElr4GIgG>. Diambil pada 19 April 2016)

- [13] Sulaiman Esa (1999). *Artistic Activity and Society*. In Raja Ahmad Aminullah dan A. Rahim Abdullah. (ed.). *Isu-Isu Dan Cabaran Tradisi & Seni Sezaman: Dialog Budaya Sastera Seni Rupa*. Ipoh: Yayasan Kesenian Perak.
- [14] Yap Sau Bin (2013). Membicarakan semula ruang: lokasi, ruang dan tempat dalam seni rupa kontemporari Malaysia. Dlm Nur Hanim Khairuddin & Beverly Yong (ed.). *Reaksi Strategi Kritikal Baru: naratif seni rupa Malaysia Jilid 2*, pp. 350-364. Kuala Lumpur: RougeArt.
- [15] <http://www.communityarts.my/case-studies>. (diakses pada 19 April 2016)